

## TERMA DAN SYARAT AM UNTUK PRODUK DEPOSIT

### BAHAGIAN A

#### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UMUM

(Termaktub kepada semua Akaun kecuali jenis-jenis terma yang bertentangan dalam Akaun-Akaun tertentu diterima pakai)

#### 1. Definisi dan Terjemahan

- 1.1. Pada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, terma-terma dan ungkapan-ungkapan berikut akan membawa makna-makna khusus yang diberikan kepada mereka kecuali konteks sebaliknya diperlukan: -

“Akaun”	bermaksud Akaun atau Akaun-akaun para Pelanggan KFH Malaysia dan perlu meliputi sebarang Akaun atau Akaun-akaun baru lain yang boleh dibuka dari semasa ke semasa.
“Undang-undang Antirasuah”	bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa serta peraturan dan undang-undang yang dikeluarkan kemudiannya, dan mana-mana undang-undang, statut, peraturan, pengawalan dan perintah yang berkaitan dengan rasuah atau penyelewengan.
“BNM”	bermaksud Bank Negara Malaysia.
“Hari Bekerja”	bermaksud hari di mana KFH Malaysia dibuka kepada orang ramai (tidak termasuk cuti bank, cuti di peringkat negeri dan cuti umum), seperti yang mungkin berlaku, dan di mana urusanniaga bertujuan sedemikian dijalankan pada Akaun.
“cek”	termasuk bil-bil pertukaran.
“Pelanggan”	bermaksud Pelanggan atau Pelanggan-pelanggan KFH Malaysia yang meliputi individu-individu, rakan kongsi, pemilik tunggal, syarikat-syarikat, persatuan-persatuan, badan-badan, organisasi-organisasi, badan-badan berkanun dan apabila perlu wakil-wakil peribadi tertentu yang boleh diterima pakai serta waris yang dinamakan kecuali diberitahu sebaliknya dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini ataupun oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
“mana-mana satu pemegang akaun”	akan meliputi Pelaksana atau Pentadbir yang berkaitan.
“KFH Malaysia”	bermaksud Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya serta penerima serah hak.
“PIDM”	bermakna Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
Terma-terma dan syarat- syarat”	bermaksud terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di sini serta meliputi apa-apa pindaan, perbezaan-perbezaan dan pertambahan-pertambahan yang dibuat dari semasa ke semasa.

- 1.2. Perkataan-perkataan yang memberi pengertian jantina lelaki akan turut meliputi jantina

perempuan serta kata sifat tiada jantina dan sebaliknya. Perkataan-perkataan yang memberi erti bilangan tunggal akan turut meliputi bilangan yang banyak dan sebaliknya.

- 1.3. Jika Pelanggan terdiri daripada dua orang atau lebih, kewajipan dan liabiliti setiap daripada mereka dikira sebagai bergabung dan pelbagai.
- 1.4. Jika sebarang pembayaran yang perlu dilakukan oleh pihak Bank jatuh pada Hari tidak Bekerja, pembayaran tersebut akan diangka p jatuh pada Hari Bekerja yang seterusnya.

## 2. Pembukaan Akaun

- 2.1. Pembukaan Akaun perlu dibuat melalui borang yang disediakan oleh KFH Malaysia dan tertakluk kepada keperluan-keperluan KFH Malaysia, termasuk had umur, deposit minima, rujukan-rujukan dan dokumen-dokumen sokongan yang boleh diterima KFH Malaysia. KFH Malaysia boleh membuat perubahan kepada keperluan-keperluan tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, bergantung kepada budi bicaranya dengan memberikan notis kepada Pelanggannya.
- 2.2. KFH Malaysia layak untuk mendapatkan butiran lengkap seperti yang disediakan oleh Pelanggan dan butiran-butiran tersebut adalah dianggap benar dan tepat. Jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran peribadi, Pelanggan perlu memberitahu dengan segera secara bertulis kepada pihak KFH Malaysia terhadap perubahan pada alamat, nombor untuk dihubungi, atau apa jua butiran. Jika gagal menyediakan butiran ini, KFH Malaysia layak bergantung kepada maklumat-maklumat terakhir dalam simpanannya.
- 2.3. Pelanggan mengakui bahawa beliau mempunyai kapasiti untuk mendapatkan kontrak, serta perlu waras dari segi pemikiran dan telah pun mencapai usia lapan belas (18) tahun.
- 2.4. Jika sebarang dokumen yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan tercatat jumlah yang dideposit ke dalam Akaun, termasuk buku cek atau sijil-sijil, Pelanggan perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan kepada dokumen tersebut dan perlu memberitahu KFH Malaysia dengan segera mengenai kerugian atau kerosakan serta maklumat terperinci.
- 2.5. KFH Malaysia diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan dengan Akaun tersebut dari semasa ke semasa setelah memberitahu Pelanggan dan Pelanggan juga bersetuju untuk mematuhi serta terikat kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- 2.6. Sebarang undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikenakan adalah muktamad, dan Pelanggan tiada hak untuk membangkang atau meminda undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut.
- 2.7. Kegiatan membuka, operasi dan penutupan Akaun adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara KFH Malaysia, termasuk hak KFH Malaysia untuk menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun, atau membekukan Akaun sepenuhnya atau secara separa, atau menolak penerimaan sebarang jumlah bagi deposit minima dalam Akaun tanpa memberikan sebarang sebab dan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

### 3. Arahan Notis

- 3.1. KFH Malaysia berhak untuk bergantung kepada dan bertindak terhadap arahan yang diberikan oleh Pelanggan, sama ada secara pertuturan atau bertulis dan sama ada diberitahu melalui telefon, pos, tangan, kurier, teleks, kabel, transmisi faksimili atau apa jua kaedah elektronik. Tanpa sebarang prejudis kepada kenyataan umum terhadap yang terdahulu, KFH Malaysia layak untuk bergantung dan bertindak terhadap notis dan arahan tersebut yang diberi, sama ada melalui tandatangan yang tidak di ragui KFH Malaysia, merujuk kepada nama dan tandatangan-tandatangan mereka yang difailkan bersama, merupakan tandatangan-tandatangan:
- a. Pelanggan; atau
  - b. Mana-mana daripada mereka yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengeluarkan sebarang notis dan arahan bagi pihak Pelanggan,
  - c. Atau sebaliknya, tanpa mempersoalkan tindakan KFH Malaysia terhadap identiti individu yang memberi atau bertujuan memberikan notis atau arahan sepertinya ataupun mengenai ketulenan sesebuah notis atau arahan walaupun ianya kemudian menunjukkan arahan dan notis sepertinya bukan dikeluarkan oleh Pelanggan. KFH Malaysia berhak memperlakukan kesemua notis dan arahan yang diberikan itu sebagai terikat kepada Pelanggan dan KFH Malaysia berhak (tetapi tidak terikat) untuk mengambil tindakan tersebut yang berkaitan kepada atau bergantung kepada komunikasi sepertinya dan risiko terhadap arahan diberikan oleh pihak-pihak yang tidak diberi kuasa, sebarang salah faham atau kesilapan, kehilangan atau penangguhan akibat daripada penggunaan telefon, perkhidmatan postal / kurier, teleks atau mesin teletaip, peralatan kabel, transmisi faksimili, peralatan-peralatan atau elektronik atau kaedah-kaedah lain, atau daripada penghantaran peribadi, adalah kesemuanya risiko yang ditanggung Pelanggan.
- 3.2. KFH Malaysia tidak harus dipertanggungjawabkan untuk mempersoalkan ketulenan atau kesahihan komunikasi yang diberikan kepada KFH Malaysia melalui apa jua kaedah dan hak KFH Malaysia di sini tidak harus terjejas akibat daripada sebarang tindakan salah guna atau penggunaan komunikasi yang tidak diluluskan. KFH Malaysia tidak akan menanggung rugi terhadap kehilangan, tuntutan-tuntutan, permintaan-permintaan, kos-kos, kerosakan, perbelanjaan-perbelanjaan dan apa jua liabiliti-liabiliti lain yang mungkin timbul akibat daripada penerimaan serta tindakan yang diambil terhadap komunikasi tersebut.
- 3.3. Sebarang notis oleh Pelanggan kepada KFH Malaysia perlulah dialamatkan kepada cawangan dimana Akaun tersebut dikendalikan dan tidak dianggap dihantar kepada KFH Malaysia kecuali diakui secara bertulis terhadap penerimaannya oleh KFH Malaysia.
- 3.4. Sebarang pengumuman daripada KFH Malaysia kepada Pelanggan akan dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau melalui tangan kepada atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan yang diberitahu kepada KFH Malaysia dan dianggap diterima Pelanggan dalam masa tiga (3) Hari Bekerja selepas daripada serahan pos jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam masa dua (2) Hari Bekerja jika dihantar melalui kurier atau setelah disahkan penerimaannya jika melalui penghantaran tangan.

### 4. Perubahan Terhadap Arahan / Pelanggan / Keadaan

- 4.1. Jika berlaku sebarang perubahan terhadap arahan, pembatalan arahan terhadap arahan awal yang diterima KFH Malaysia untuk mana-mana Akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemegang-pemegang akaun persendirian, pemegang akaun bersama, pemilik-pemilik tunggal, rakan-rakan kongsi, pelanggan-pelanggan korporat, penandatanganan yang diberi

kuasa kepada mana-mana Akaun tersebut di mana KFH Malaysia secara jujurnya ragu-ragu terhadap kesahihan Pelanggan yang berkuasa atau terhadap rakan-rakan berkaitan; atau

- 4.2. Di mana terdapat perubahan-perubahan pada pentadbiran pemegang akaun bersama / pemilik tunggal / usahasama / syarikat (sama ada akibat kematian atau ketidakupayaan atau sebaliknya); atau
- 4.3. Di mana pada pendapat KFH Malaysia, terdapat bukti pada bantahan yang berkaitan dengan sebarang Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang Akaun, KFH Malaysia mungkin tetapi tidak terikat untuk menuruti sebarang arahan yang diterima daripada pemegang Akaun tersebut, yang mana pemegang akaun peribadi / bersama, pemilik peribadi, rakan usahasama, syarikat-syarikat atau mereka yang mempunyai akaun bersama, pemilik tunggal, rakan usahasama, syarikat, pemilik sah dan KFH Malaysia boleh mengikut budi bicaranya,
  - a. membekukan Akaun sehingga KFH Malaysia menerima arahan bertulis daripada (di mana bersesuaian) pemegang akaun tunggal, kesemua pemilik akaun bersama, pemilik tunggal, kesemua rakan usahasama, syarikat, pemegang amanah atau pemilik sah lain seperti pada rekod KFH Malaysia; atau
  - b. boleh bertindak menutup Akaun seperti yang tertakluk pada Terma-terma & Syarat-syarat umum ini bagi Akaun tersebut. Pemegang akaun tunggal, pemegang akaun bersama, pemilik-pemilik tunggal, rakan-rakan usahasama, pelanggan-pelanggan korporat, akan bertanggungjawab di atas kesemua baki jumlah yang tinggal dan bertambah pada Akaun.

## 5. Deposit dan Pengeluaran

- 5.1. Pelanggan boleh membuat deposit dan pengeluaran (tertakluk kepada keperluan KFH Malaysia terhadap jumlah deposit dan pengeluaran minima) dengan memenuhi borang-borang yang disediakan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh KFH Malaysia atau dengan cara atau kaedah lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia.
- 5.2. Kesemua cek dan lain-lain instrumen kewangan mungkin diterima untuk pungutan tetapi hasil kutipannya tidak akan dikreditkan / wujud sehingga KFH Malaysia menerima bayaran bagi perkara yang sama. Cek-cek dan lain-lain instrumen kewangan yang didepositkan ke dalam Akaun tidak semestinya, kecuali di atas peraturan khas, dibuat terhadapnya sehingga hasil kutipan tersebut telah diterima oleh KFH Malaysia.
- 5.3. KFH Malaysia mempunyai hak untuk menolak kutipan cek-cek dan lain-lain instrumen kewangan yang pada pendapat KFH Malaysia adalah tidak tetap dalam apa jua cara atau jika ianya tidak selaras dengan kehendak-kehendak Syariah atau kemungkinannya dipinda dalam apa jua cara meskipun pindaan itu telah ditandatangani semula oleh penyuruh bayar.
- 5.4. KFH Malaysia berhak untuk mendebit daripada Akaun nilai cek-cek yang sebelum ini dibeli / didiskaun untuk atau dikreditkan kepada Pelanggan jika cek-cek tersebut tidak laku.
- 5.5. Cek-cek yang diterima ketika pungutan tetapi tidak laku boleh dipulangkan kepada Pelanggan pada risiko dan kos yang ditanggung oleh Pelanggan.
- 5.6. KFH Malaysia mempunyai hak untuk membayar Pelanggan sebarang jumlah yang dikeluarkan oleh mana-mana satu atau kombinasi daripada (a) bayaran tunai, (b) arahan cek / bayaran perbankan yang dikeluarkan kepada Pelanggan, dan / atau (c) bentuk -bentuk lain kiriman wang.

## 6. Kad Debit-i / Kad ATM

- 6.1. Apabila Kad Debit-i / ATM dikeluarkan, penggunaan Kad Debit-i / ATM itu adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berkaitan dengan Kad Debit-i / seperti yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- 6.2. Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk menguruskan Akaun yang dijalankan melalui penggunaan Kad Debit-i / ATM.
- 6.3. KFH Malaysia mempunyai hak untuk bergantung kepada kesemua urusan niaga yang dilakukan melalui Kad Debit-i / ATM yang dikeluarkan kepada Pelanggan seperti yang dioperasikan dan diberi kuasa oleh Pelanggan.
- 6.4. Bagi tujuan Akaun, rujukan kepada “Kad Debit-i / ATM” bermaksud kad pintar pelbagai guna yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan terhadap Akaunnya yang boleh digunakan untuk pengeluaran dan operasinya sebagai arahan daripada Pelanggan kepada KFH Malaysia mengendalikan Akaunnya melalui penggunaan kad tersebut selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat berkaitan.
- 6.5. KFH Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap segala kerugian atau kerosakan yang mungkin timbul dalam kontrak, tort (termasuk kecuai) atau sebaliknya termasuk samada secara langsung atau tidak langsung, khas, kerosakan-kerosakan kebetulan atau punitif atau kehilangan keuntungan yang berkaitan dengan penggunaan atau kegagalan Pelanggan menggunakan mesin ATM KFH Malaysia dan / atau bank-bank lain.

## 7. Dana-dana Mencukupi

- 7.1. Pelanggan harus memastikan bahawa terdapat dana-dana yang telah didapati dan mencukupi di dalam Akaun untuk menjalankan sebarang urusan niaga yang diarahkan oleh Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada masa pengeluaran cek, kecuali jika Pelanggan telah pun membuat aturan khas sebelumnya bersama KFH Malaysia dan mempunyai persetujuan bertulis daripada KFH Malaysia.

## 8. Akaun Bersama

- 8.1. Apabila Akaun diselenggarakan dengan KFH Malaysia sebagai Akaun Bersama:

- a. Akaun Bersama perlulah dibuka oleh kesemua Pelanggan. Apabila KFH Malaysia diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak di atas arahan mana-mana satu daripada Pelanggan itu, Akaun boleh diuruskan dan / atau ditutupi oleh mana-mana satu daripada Pelanggan tersebut. Apabila KFH Malaysia diberi kuasa untuk bertindak menurut arahan kedua-dua atau kesemua Pelanggan, Akaun itu boleh dikendalikan dan / atau ditutup oleh kedua-dua atau kesemua Pelanggan bergantung kepada keadaan;
- b. Setiap pemegang Akaun Bersama memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk memungut dan menerima kredit kepada Akaun bersama sebarang cek atau arahan pembayaran kepada mana-mana satu daripada pemegang Akaun secara persendirian atau sehingga dua (2) atau lebih daripada mereka secara berkumpulan, dan bersetuju bahawa KFH Malaysia bebas untuk mengendalikan dana-dana tersebut selaras dengan kontrak berlandaskan Syariah untuk Akaun tersebut;
- c. Jika salah seorang daripada pemegang Akaun meninggal dunia atau muflis, KFH Malaysia mungkin tetapi tidak wajib untuk mengizinkan pengendalian berterusan Akaun sama seperti tiada perubahan yang berlaku kepada pemegang Akaun bersama dan menganggap kontrak berlandaskan Syariah pada Akaun diteruskan dengan pemegang Akaun yang tinggal;

- d. Setiap pemegang Akaun melepaskan KFH Malaysia daripada menanggung sebarang kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung oleh KFH Malaysia bagi segala wang yang dibayar keluar di bawah arahan Pelanggan;
- e. Kewajipan setiap pemegang Akaun Bersama adalah beberapa;
  - i. Setiap pemegang Akaun bersama akan dianggap mempunyai bahagian setara yang belum dibahagikan di antara mereka ke atas hak mereka bagi jumlah yang ada pada Akaun (jika ada) di bawah kontrak berlandaskan Syariah; dan
  - ii. Untuk Akaun ‘Junior’ iaitu individu berumur 18 tahun ke bawah, pemegang Amanah harus di atas nama ibubapa / penjaga yang sah. Penjaga yang sah seharusnya seorang yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga” Junior” di dalam mahkamah undang- undang dan harus mempunyai dokumen sah untuk membuktikan kesahihan sebagai penjaga yang sah.

## 9. Akaun Perkongsian

9.1. Tambahan kepada peruntukan di sini, di mana Akaun yang diselenggarakan dengan KFH Malaysia adalah Akaun Perkongsian:

- a. setiap rakan kongsi kepada perkongsian ini memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk memungut dan menerima kredit kepada Akaun bersama sebarang cek atau arahan bayaran yang perlu dibayar kepada perkongsian ini, dan bersetuju bahawa KFH Malaysia bebas mengendalikan dana-dana ini selaras dengan kontrak berlandaskan Syariah untuk Akaun ini; dan
- b. Jika salah seorang daripada rakan kongsi meninggal dunia atau muflis, KFH Malaysia mungkin tetapi tidak wajib untuk mengizinkan pengendalian berterusan Akaun sama seperti tiada perubahan yang berlaku kepada perkongsian itu dan menganggap kontrak berlandaskan Syariah pada Akaun diteruskan bersama rakan kongsi yang tinggal; dan
- c. Setiap rakan kongsi melepaskan KFH Malaysia daripada menanggung sebarang kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung oleh KFH Malaysia bagi segala wang yang dibayar keluar di bawah arahan Pelanggan dan KFH Malaysia tidak berkewajipan untuk mempersoalkan kesahihan perkongsian tersebut atau sebarang tindakan yang diambil Pelanggan.

## 10. Akaun Amanah

10.1. Tambahan kepada peruntukan di sini, di mana Akaun yang diselenggarakan dengan KFH Malaysia adalah Akaun Amanah: -

- a. KFH Malaysia hanya akan mengenalpasti individu yang dinamakan oleh Pelanggan sebagai individu yang diberi kuasa bagi tujuan pengendalian Akaun; dan
  - b. Pelanggan harus melepaskan KFH Malaysia daripada menanggung sebarang kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung oleh KFH Malaysia bagi segala wang yang dibayar keluar di bawah arahan Pelanggan dan KFH Malaysia tidak berkewajipan untuk mempersoalkan kesahihan pengendalian amanah ini atau sebarang tindakan yang diambil Pelanggan.
- 10.2. Pemegang Amanah hendaklah mengemukakan maklumat seperti berikut berkaitan pembukaan akaun amanah serta apabila diminta oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa apabila diperlukan oleh PIDM dari semasa ke semasa:

- a. Penyata bahawa deposit didalam Akaun Amanah yang dipegang sebagai amanah oleh Pemegang Amanah;
- b. Nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport atau sebarang pengenalan lain pemegang amanah yang boleh diterima oleh KFH Malaysia;
- c. Butiran benefisiari; dan
- d. Sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh PIDM.

## 11. Akaun Dorman / Wang Tidak Dituntut

- 11.1. KFH Malaysia akan mempertimbangkan Akaun yang akan dorman jika tiada urusan niaga dimulakan oleh Pelanggan bagi jangka masa tertentu atau apa jua tempoh yang ditentukan atas budi bicara KFH Malaysia. Dengan membenarkan Akaun tersebut menjadi dorman, Pelanggan dianggap telah memberi notis kepada KFH Malaysia untuk menamatkan kontrak berlandaskan Syariah dan KFH Malaysia diberi kuasa untuk mengambil tindakan yang perlu ke atasnya.
- 11.2. Ianya telah dipersetujui bahawa sebarang baki dalam Akaun tidak kira jumlahnya, dimiliki oleh Pelanggan, simpanan bagi sebarang jumlah yang mungkin dikreditkan ke dalam Akaun atau sebaliknya ditentukan oleh undang-undang.
- 11.3. Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk mematuhi keperluan-keperluan di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 apabila Akaun itu dilihat dorman. KFH Malaysia diberi kuasa untuk memindahkan baki pada Akaun kepada wang yang tidak dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 apabila Akaun itu dilihat dorman.

## 12. Hak untuk Hapuskira dan Penyatuan

- 12.1. Tanpa prejudis terhadap sebarang penyelesaian yang mungkin wujud pada KFH Malaysia, KFH Malaysia boleh memberi notis kepada Pelanggan menggabungkan dan menyatukan mana-mana atau kesemua Akaun Pelanggan dalam KFH Malaysia terhadap liabiliti-liabiliti Pelanggan dalam KFH Malaysia dan menghapuskan serta memindahkan sebarang jumlah yang tinggal pada kredit mana-mana Akaun tersebut, perjanjian atau kontrak, sama ada liabiliti-liabiliti tersebut adalah utama, sampingan, bersama atau pelbagai atau dalam mana-mana mata wang lain dengan memberi notis terlebih dahulu tidak kurang daripada tujuh (7) hari kepada Pelanggan mengikut hasrat KFH Malaysia.
- 12.2. Sehingga kesemua wang yang dihutang telah dibayar atau dilepaskan sepenuhnya, Pelanggan tidak akan dengan membuat pembayaran terhadap mana-mana jumlah yang boleh diperolehi KFH Malaysia atau melalui cara-cara lain atau atas mana-mana tuntutan asas sebarang hapuskira atau tuntutan berbalas terhadap KFH Malaysia berkenaan dengan sebarang liabiliti daripada KFH Malaysia kepada Pelanggan atau lain-lain pihak.

## 13. Tiada Hapuskira atau Tuntutan balas oleh Pelanggan

- 13.1. Sehingga kesemua wang yang dihutang telah dibayar atau dilepaskan sepenuhnya, Pelanggan tidak akan dengan membuat pembayaran bagi mana-mana jumlah yang boleh diperolehi oleh KFH Malaysia atau dari mana-mana cara atau atas tuntutan asas sebarang hapuskira atau tuntutan balas terhadap KFH Malaysia berkaitan dengan liabiliti daripada KFH Malaysia kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain. Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa pada peraturan-peraturan di antara KFH Malaysia dan Pelanggan dan / atau mana-mana pihak lain akan diuruskan sebagai terdiri daripada perjanjian tersirat menghadkan atau menyangkal sebarang lien, caj, ikrar, hak untuk

menghapuskan atau lain-lain hak di mana KFH Malaysia telah ada atau dinyatakan oleh undang-undang.

#### 14. Aplikasi Pembayaran

14.1. Walaupun peruntukan-peruntukan lain yang terkandung di sini bertentangan, KFH Malaysia layak untuk mengguna pakai sebarang pembayaran yang diterima daripada Pelanggan atau mana-mana individu yang membuat bayaran bagi pihak Pelanggan (tidak kira sama ada tujuan pembayaran tersebut ditentukan atau tidak) ke arah memenuhi keperluan sepenuhnya atau sebahagian daripada jumlah prinsipal, keuntungan (termasuk pembayaran lewat / caj pampasan) atau jumlah-jumlah lain wang yang pada ketika itu dihutang oleh Pelanggan kepada KFH Malaysia pada mana-mana aturan yang dianggap bersesuaian pada budi bicara KFH Malaysia.

#### 15. Penutupan Akaun

15.1. Penutupan Akaun akan berkuatkuasa jika arahan bertulis untuk penamatan kontrak berlandaskan Syariah yang berkaitan dengan Akaun tersebut ditandatangani / diperakui oleh Pelanggan dalam cara yang sama seperti kaedah pengendalian Akaun tersebut.

15.2. KFH Malaysia turut boleh menutup mana-mana satu atau kesemua Akaun itu dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan terhadap penamatan kontrak berlandaskan Islam yang berkaitan dengan Akaun tanpa perlu memberikan sebab ianya dilakukan. Liabiliti keseluruhan KFH Malaysia akan dilepaskan setelah penghantaran atau mengeposkan hasil kutipan, jika ada, baki kredit pada Akaun dalam cara arahan pembayaran atau apa jua bentuk kiriman wang kepada alamat terakhir yang dimaklumkan kepada KFH Malaysia.

15.3. Jika salah seorang pemegang akaun bersama meninggal dunia, bankrap, tidak waras atau dibubarkan, dan di mana mandat bagi pemegang akaun bersama membenarkan akaun bersama tersebut dikendalikan oleh salah seorang pemegang akaun bersama sebagai penandatanganan tunggal (atau sebaliknya di mana semua pemegang akaun bersama menandatangani bersama), pemegang akaun bersama yang masih hidup, waras atau tidak dibubarkan akan berhak untuk mengendalikan akaun bersama itu sehingga penerimaan notis secara bertulis mengenai kematian, kebangkrutan, ketidakwarasan atau pembubaran atau tuntutan pertikaian pemegang akaun bersama.

15.4. KFH Malaysia akan menghadkan atau tidak membenarkan operasi ke atas akaun bersama setelah menerima notis daripada salah satu pemegang akaun bersama menamatkan mandat bagi mengendalikan akaun bersama, sehingga KFH Malaysia telah menerima perintah mahkamah atau kebenaran / pengeluaran secara bertulis daripada semua pemegang akaun bersama atau waris mereka.

#### 16. Kos, Perbelanjaan dan Caj-caj Lain

16.1. Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk mengenakan dan menolak daripada atau mendebitkan Akaun dengan notis pemberitahuan kepada Pelanggan mengenai yuran perkhidmatan dan caj-caj pelbagai yang lain, termasuk caj biasa perbankan, komisen, duti setem, pada kesemua urusan niaga dan perkhidmatan yang disediakan berdasarkan kadar sebegitu seperti yang akan diberitahu dari semasa ke semasa, dan pada bila-bila ianya boleh diaplikasikan, caj perkhidmatan pada Akaun seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia.

16.2. KFH Malaysia mempunyai hak mutlak untuk mempelbagaikan yuran-yuran perkhidmatan, komisen dan caj-caj lain tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa melalui notis pemberitahuan kepada Pelanggan untuk tempoh tidak kurang



daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan. KFH Malaysia boleh memberi notis itu atau komunikasi kepada Pelanggan melalui mana-mana mod atau kaedah yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia termasuk melalui pos, pemberitahuan melalui media massa, mempamerkan notis di cawangan-cawangan KFH Malaysia, melalui penyata akaun berkala, penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan mempamerkan di laman sesawang KFH Malaysia atau di ATM atau terminal-terminal lain di bawah kawalan KFH Malaysia.

## 17. Waktu dan / atau Hari Bekerja

17.1. Waktu dan / atau Hari Bekerja KFH Malaysia boleh dipanjangkan, ditukar atau sebaliknya dikaji semula selaras dengan keperluan-keperluan perniagaan dan operasinya tanpa mengeluarkan notis pemberitahuan.

## 18. Penepian

18.1. Tiada kegagalan atau kelewatan di pihak KFH Malaysia dalam mempertahankan hak, kuasa, keistimewaan atau penyelesaian terakru kepada KFH Malaysia di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, jika ada, akan melemahkan hak, kuasa, keistimewaan atau penyelesaian atau ditafsirkan sebagai penepiannya atau sebuah persetujuan pada keingkaran membayar, mahupun apa jua tindakan oleh KFH Malaysia berkenaan dengan mana-mana keingkaran atau sebarang persetujuan melemahkan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau penyelesaian kepada KFH Malaysia berkenaan dengan keingkaran-keingkaran lain atau seterusnya.

## 19. Tanggung Rugi

19.1. Tambahan dan tanpa prejudis kepada kuasa, hak dan penyelesaian yang dikurniakan pada KFH Malaysia, dalam undang-undang dan / atau pada ekuiti, Pelanggan harus melepaskan KFH Malaysia daripada sebarang liabiliti dan dengan ini melepaskan KFH Malaysia darip ada menanggung rugi terhadap apa jua kerugian, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan perundangan untuk peguam cara dan klien sendiri) yang mana KFH Malaysia mungkin mengekalkan atau menanggungnya sebagai akibat daripada keingkaran Pelanggan membayar mana-mana jumlah yang dihutang tetapi tidak terhad kepada sebarang keuntungan atau yuran yang telah dibayar atau perlu dibayar pada keadaan atau berkaitan dengan mana-mana dana yang digunakan, dipinjam atau dideposit daripada pihak ketiga demi mengekalkan jumlah tersebut atau dalam mencairkan atau mempergunakan semula dana-dana atau deposit sepertinya pada mana-mana pelanggaran Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

19.2. Pelanggan harus melepaskan KFH Malaysia daripada menanggung sebarang kerugian di mana KFH Malaysia mungkin menanggung atas alasan ianya menjamin mana-mana pengesahan, pelepasan pada mana-mana cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen-instrumen yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan dan KFH Malaysia menganggap setiap jaminan itu diberikan atas permintaan Pelanggan dalam setiap kes.

19.3. Jika pada sebarang ketika Pelanggan diperlukan untuk menjalankan mana-mana tanggung rugi tambahan di pihak KFH Malaysia, pihak yang menanggung rugi akan dikeluarkan oleh kesemua pemegang Akaun di mana Pelanggan merupakan lebih daripada seorang.

## 20. Had Kepada Liabiliti

20.1. Tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan di sini, KFH Malaysia tidak

bertanggungjawab ke atas Pelanggan dan / atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang kerugian (secara langsung atau tidak langsung) terhadap keuntungan atau perniagaan atau muhibah atau sebarang kerugian tidak langsung atau penting atau kerosakan yang timbul walaupun KFH Malaysia telah dinasihatkan di atas kemungkinan terhadap kerugian atau kerosakan atau tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga atau Pelanggan itu sendiri.

- 20.2. Tertakluk kepada peruntukan di sini, liabiliti tunggal dan menyeluruh KFH Malaysia terhadap Pelanggan dalam kontrak, kesalahan (termasuk kecuaiian atau melanggar tugas berkanun) atau sebaliknya yang timbul akibat daripada atau berkaitan dengan Terma -terma dan Syarat-syarat ini atau bagaimana sekalipun tidak boleh melebihi jumlah urus niaga yang terlibat yang mana menyebabkan kenaikan kepada tuntutan atau kerosakan yang diterima secara langsung, yang mana lebih rendah.
- 20.3. Setiap peruntukan pada Fasal 20 adalah ditafsirkan sebagai had berasingan diaplikasikan dan masih wujud walau apa jua alasan salah satu atau mana-mana peruntukan tidak boleh diguna pakai atau dikira tidak munasabah dalam apa jua keadaan dan perlu kekal berkuatkuasa meskipun Akaun atau perkhidmatan ditamatkan.

## 21. Tiada Agensi / Wakil Berkuasa

- 21.1. Tiada apa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditafsirkan sebagai mewujudkan atau menandakan sebarang kuasa, diandai atau dijelaskan oleh Pelanggan terhadap KFH Malaysia, ataupun menganggap KFH Malaysia sebagai ejen atau wakil Pelanggan, untuk memasuki mana-mana usahasama atau mengusahakan kontrak dengan pihak-pihak lain, termasuk syarikat pemegang KFH Malaysia, syarikat gabungan atau pihak-pihak lain.
- 21.2. Kewajipan dan tanggungjawab KFH Malaysia berkaitan dengan Akaun adalah eksklusif dan terhad kepada hanya KFH Malaysia dan tidak bertujuan untuk meliputi, sama ada diberitahu atau sebaliknya, syarikat pemegang KFH Malaysia, syarikat gabungan atau pihak -pihak lain.

## 22. Keadaan Tidak Terkawal (“Force Majeure”)

- 22.1. Walaupun mana-mana peruntukan di sini, pada keadaan KFH Malaysia tidak dapat melaksanakan operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan atas sebab-sebab yang tidak dapat dikawal oleh KFH Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, peristiwa semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, bantahan industri, tindakan musuh umum, perintah larangan, peperangan, kejadian kuasa Tuhan atau sebarang faktor semulajadi yang tidak dapat dikawal atau apa jua kegagalan atau gangguan kepada perhubungan telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bahan api, KFH Malaysia tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara sekalipun terhadap ketidakselesaian, kerugian, kecederaan, kerosakan yang ditanggung atau diterima oleh Pelanggan yang timbul daripada perkara yang sama.

## 23. Kebolehpisahan

- 23.1. Jika mana-mana peruntukan, terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di sini atau mana-mana dokumen sekuriti yang diambil adalah atau menjadi haram, batal, tidak sah, ditegah atau tidak dapat dikuatkuasakan dalam mana-mana keadaan, termasuk di bawah prinsip Syariah, perkara yang sama akan tidak berkesan sehingga takat pengharaman, pembatalan, ketidaksahihan, ditegah atau tidak dapat berkuatkuasa sepertinya tanpa dalam apa jua cara sekalipun tidak mendapat pengesahan peruntukan-peruntukan pada Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau

dokumen sekuriti tertentu, seperti dalam kes ini.

## 24. Pendedahan

- 24.1. Selain daripada pendedahan yang diperuntukan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Pelanggan dengan ini memberi hak dan membenarkan KFH Malaysia, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan sebarang maklumat mengenai Akaun, Terma dan Syarat ini, akaun-akaun semasa Pelanggan dan akan datang dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan dan operasinya kepada:
- a. Unit Kredit Pusat (termasuk untuk tujuan penyimpanan di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“CCRIS”) di mana maklumatnya tersedia untuk semua institusi kewangan yang mengambil bahagian), Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS), Bank Negara Malaysia, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Malaysia (jika berkenaan) dan mana-mana agensi kerajaan atau mana-mana pihak pengawalseliaan lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas KFH Malaysia dan / atau anak syarikat KFH Malaysia;
  - b. Pihak cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Akaun;
  - c. Sebarang syarikat semasa atau akan datang yang mungkin menjadi anak syarikat dan atau syarikat induk dan / atau ahli dan/atau berkait (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat (2016) dan/atau bersekutu dengan KFH Malaysia dan / atau syarikat induknya (sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (2013));
  - d. Mana-mana cawangan KFH Malaysia, pejabat wakil, ahli gabungan (semasa dan akan datang) dan ibu pejabat KFH Malaysia;
  - e. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan kepada KFH Malaysia dan / atau syarikat induknya (termasuk tanpa had juruaudit, penasihat undang-undang dan penasihat professional KFH Malaysia dan / atau syarikat induknya;
  - f. Mana-mana orang dan setakat mana maklumat diperlukan untuk didedahkan di bawah kehendak undang-undang atau peraturan atau sepina atau perkara-perkara yang berkaitan selaras dengan mana-mana peruntukan undang-undang Malaysia yang terpakai, garis panduan atau arahan atau mahkamah perundangan mana-mana bidang kuasa di dalam atau di luar Malaysia;
  - g. Mana-mana penyedia perkhidmatan (termasuk agensi kutipan hutang dan sistem pesanan ringkas);
  - h. Sekiranya Pelanggan memberi arahan kepada KFH Malaysia bagi tujuan deposit atau pindahan dana melalui rentas sempadan, Pelanggan bersetuju memberi kebenaran/kuasa untuk pihak KFH Malaysia mendedahkan, mengguna pakai dan mendapatkan mana-mana maklumat berkaitan transaksi rentas sempadan kepada pihak berkuasa di bawah undang-undang bertulis di Malaysia atau luar Malaysia; dan
  - i. Mana-mana orang atau pihak berdasarkan budi bicara KFH Malaysia apabila diperlukan atau sesuai.

- 24.2. Pelanggan dengan ini bersetuju dengan pendedahan mengenai maklumat yang dimiliki oleh KFH Malaysia dan maklumat yang akan diterima pada masa akan datang, dan bahawa tiada persetujuan lanjut daripada Pelanggan diperlukan untuk tujuan seksyen ini dan Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan dalam mendedahkan atau memberikan maklumat yang dirujuk di sini dengan syarat berkenaan dengan dokumen atau rekod atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai sulit dan orang yang menerima maklumat tersebut daripada KFH Malaysia akan dikehendaki berjanji untuk menjaga kerahsiaan dokumen atau rekod atau maklumat yang diterima.
- 24.3. Sekiranya Pelanggan memilih untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum ini, KFH Malaysia berhak untuk tidak menyediakan atau menghentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

## 25. Terma-terma dan Syarat-syarat

- 25.1. Pengendalian dan penggunaan Akaun adalah di atas Terma-terma dan Syarat-syarat serta terma-terma dan syarat-syarat lain yang mungkin ditentukan oleh KFH Malaysia.
- 25.2. Mana-mana pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat dikira berkuatkuasa setelah notis diberikan kepada Pelanggan selaras dengan Fasal 3.4 atau apa-apa cara lain yang difikirkan praktikal oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- 25.3. KFH Malaysia berhak sepenuhnya untuk menambah, memadam, menukar atau meminda mana-mana Terma-terma & syarat -syarat yang terkandung di sini termasuk penukaran bayaran-bayaran dan caj-caj, pada bila-bila masa dengan memberi notis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan sebelum tarikh berkuatkuasa. Berdasarkan budi bicara mutlak KFH Malaysia, notis untuk penambahan atau pindaan boleh berkuatkuasa melalui: -
- Paparan notis tersebut di premis KFH Malaysia atau cawangan-cawangannya atau dengan menghantar notis tersebut kepada Pelanggan melalui pos; atau
  - Menghantar Khidmat Pesanan Ringkas (Short Message Service - SMS) atau emel atau menghantar notis tersebut ke lama web KFH Malaysia kepada Pelanggan atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia.
- 25.4. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan pindaan atau perubahan Terma-terma & syarat-syarat tersebut seperti yang dimaklumkan oleh KFH Malaysia, Pelanggan boleh, dalam masa tujuh (7) hari kalendar selepas diberi notis oleh KFH Malaysia, menutup Akaun tersebut.

## 26. Akaun Tergantung

- 26.1. Apabila KFH Malaysia menamatkan kontrak berlandaskan Syariah bagi Akaun di mana Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk memindahkan kesemua jumlah yang berbayar kepada Pelanggan dan dikurangkan daripada apa jua jumlah yang ditolak oleh KFH Malaysia di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau seperti yang diizinkan oleh undang-undang untuk menggantung Akaun.

## 27. Kesan daripada Kesilapan kepada Akaun

- 27.1. Berkenaan dengan sebarang jumlah wang yang disalah kredit ke dalam Akaun Pelanggan, Pelanggan bersetuju untuk memulangkan kepada KFH Malaysia jumlah wang

tersebut tanpa sebarang potongan.

- 27.2. Berkenaan tuntutan-tuntutan atau tuduhan terhadap KFH Malaysia berkaitan dengan mana-mana kesilapan yang dilakukan atau menyebabkannya berlaku oleh mana-mana pegawainya, KFH Malaysia tidak boleh dipertanggungjawabkan kecuali bukti yang kukuh dikemukakan untuk menyokong tuntutan-tuntutan dan tuduhan-tuduhan tersebut.

## **28. Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Mentadbir**

- 28.1. Akaun ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan undang-undang Syariah (undang-undang Islam) dan Pelanggan patuh kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.
- 28.2. Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan dalam segala sudut selaras dengan perundangan di Malaysia dan undang-undang Syariah.
- 28.3. Selama mana ianya boleh dipraktikkan dan tidak bercanggah dengan undang-undang di Malaysia, undang-undang Syariah (undang-undang Islam) dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini turut juga tertakluk kepada peraturan-peraturan Kuwait Finance House seperti yang digunapakai di Kuwait.

## **29. Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML / CFT)**

- 29.1. Dalam usaha mematuhi undang-undang pencegahan pengubahan wang haram, undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar pencegahan pembiayaan berkaitan keganasan (termasuk polisi-polisi KFH Malaysia), keperluan laporan di bawah perundangan urus niaga kewangan dan permintaan pihak berkuasa, maka KFH Malaysia, syarikat pemegangannya, syarikat subsidiari dan anggota gabungannya (“Kumpulan KFH Malaysia”) boleh dihalang daripada melakukan atau mengikat urus niaga yang melibatkan orang atau entiti tertentu.
- 29.2. Ahli Kumpulan KFH Malaysia boleh menyekat dan memeriksa apa-apa mesej atau arahan pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Pelanggan atau bagi pihak Pelanggan dan boleh melengahkan, menghalang atau menolak daripada membuat apa-apa bayaran.
- 29.3. Ahli Kumpulan KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan atau apa-apa kelewatan atau kegagalan KFH Malaysia atau ahli Kumpulan KFH Malaysia dalam melaksanakan apa-apa tugasnya atau obligasi lain yang disebabkan secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh apa-apa langkah yang diambil menurut perenggan di atas.
- 29.4. Hubungan perbankan tertakluk kepada garis panduan AML / CFT yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa di mana:
- KFH Malaysia boleh menamatkan hubungan perbankan jika Pelanggan gagal untuk mematuhi ketelitian wajar Pelanggan.
  - Sekiranya Pelanggan diperlukan untuk mengemukakan maklumat kewangan tambahan di atas permintaan KFH Malaysia, KFH Malaysia berhak untuk menamatkan hubungan perbankan jika Pelanggan gagal untuk mematuhi permintaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh permintaan atau telah memberi maklumat palsu (penipuan) kepada KFH Malaysia.

## **30. Tanggungjawab dan Kewajipan Keselamatan oleh Pelanggan Obligasi Sekuriti Pelanggan**

- 30.1. Ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menjaga Akaun mereka daripada penggunaan tanpa kebenaran dan penipuan. Oleh itu, Pelanggan bersetuju untuk bertanggungjawab bagi memastikan langkah-langkah penjagaan berikut telah diambil, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:
- a. tidak menyalahgunakan, menjalankan aktiviti haram, aktiviti penipuan salah melalui Akaun;
  - b. tidak membenarkan Akaun untuk digunakan oleh pihak ketiga atau orang yang tidak dikenali; dan
  - c. Periksa semua penyata Akaun dan memaklumkan dengan segera kepada KFH Malaysia jika terdapat sebarang kesilapan, tidak aturan, percanggahan atau transaksi yang tidak dibenarkan
- 30.2. KFH Malaysia menyimpan hak untuk membatalkan sementara, menggantung atau menghalang akses Pelanggan kepada Akaun dan/atau penggunaan Akaun Pelanggan sehingga pengesahan lanjut sekiranya kami mengesan kebarangkalian akses tanpa kebenaran dan KFH Malaysia akan memaklumkan Pelanggan secepat yang boleh, tertakluk kepada kekangan undang-undang dan/atau peraturan. Setelah pengesahan telah berjaya, akses Pelanggan kepada Akaun akan dikembalikan semula.

### 31. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)

- 31.1. Jika "Data Peribadi" seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) diproses untuk tujuan atau sepanjang tempoh operasi Akaun, kedua-dua Pihak hendaklah:
- a. memproses Data Peribadi setakat mana dan mengikut apa-apa cara yang diperlukan untuk operasi Akaun ini;
  - b. memberi arahan kepada pekerja, pemegang saham, afiliasi, ejen dan/atau perundingnya bersetuju, mematuhi dan mematuhi kehendak PDPA dan memastikan kebolehpercayaan mana-mana kakitangan yang mempunyai akses kepada Data Peribadi;
  - c. mengambil langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi Data Peribadi daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, kebenaran atau akses atau pendedahan, perubahan atau pemusnahan yang tidak disengajakan termasuk memastikan tahap keselamatan yang sesuai dengan jenis Data Peribadi tersebut;
  - d. segera memberitahu kedua-dua Pihak secara bertulis apabila ia menyedari atau semunasabahnya menyedari apa-apa pelanggaran kewajipannya di bawah Terma dan Syarat yang mengakibatkan pendedahan Data Peribadi yang sebenarnya atau semunasabahnya disyaki tanpa kebenaran sama ada sebahagian daripada dirinya atau pegawai, pekerja, ejen atau subkontraktornya dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurus dan memperbaiki pelanggaran itu; dan
- 31.2. Walau apa pun yang terkandung di sini, kedua-dua Pihak hendaklah pada setiap masa mematuhi peruntukan PDPA. Pelanggan dengan ini menanggung rugi sepenuhnya dan hendaklah memastikan KFH Malaysia tidak menanggung rugi daripada dan terhadap semua kos, perbelanjaan, tindakan, ganti rugi dan tuntutan apa pun yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan ketidakpatuhan oleh KFH Malaysia terhadap peruntukan PDPA.

- 31.3. Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran dengan pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada KFH Malaysia oleh Pelanggan atau diperoleh oleh KFH Malaysia dari domain awam, serta data peribadi yang diperoleh daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Akaun dengan KFH Malaysia selaras dengan Dasar Privasi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 oleh KFH Malaysia yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

## 32. Aku Janji Antirasuah, Antipenyelewengan dan Pemberian Maklumat

- 32.1. Pelanggan dengan ini mengakui bahawa KFH Malaysia mengamalkan pendirian toleransi sifar terhadap rasuah dan penyelewengan selaras dengan Dasar Antirasuah dan Antipenyelewengan (ABC) KFH Malaysia.
- 32.2. Pelanggan dan KFH Malaysia dengan ini mengisytiharkan bahawa mereka menyedari amalan di mana individu dan syarikat boleh memanfaatkan kedudukan atau jawatan yang mereka miliki atau maklumat yang mereka miliki untuk tujuan mendapatkan sendiri apa-apa suapan, ganjaran, faedah atau kelebihan, rebat, bayaran, mempengaruhi pembayaran, sogokan yang menyalahi undang-undang atau pembayaran lain yang menyalahi undang-undang, Pelanggan menyedari bahawa amalan tersebut melanggar dasar KFH Malaysia termasuk etika perolehannya, dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 atau mana-mana peraturan yang melaksanakan mana-mana undang-undang antirasuah atau undang-undang lain yang serupa di Malaysia dan dengan ini menjamin dan berakujanji untuk tidak menggunakan maklumat atau bantuan yang ditawarkan oleh individu atau syarikat tersebut atau membenarkan kewujudan atau atau penerusan amalan sedemikian untuk tujuan operasi Akaun.
- 32.3. Pelanggan memulakan dan mengekalkan, dan akan terus mengekalkan, dasar dan prosedur yang dirancang dengan munasabah untuk mempromosikan dan mencapai pematuhan dengan klausa ini.
- 32.4. Pelanggan apabila dimaklumkan tentang apa-apa pelanggaran klausa ini, yang telah berlaku atau mungkin telah berlaku, hendaklah segera memberitahu KFH Malaysia secara bertulis mengenai pelanggaran tersebut.
- 32.5. Pelanggan dengan ini mengakui dan berakujanji bahawa:
- Pelanggan telah membaca dan memahami Penyata ABC KFH Malaysia yang didapati dalam dalam laman web KFH Malaysia;
  - Pelanggan hendaklah mendorong pengarah, pegawai, kakitangan dan wakil atau ejennya yang diberi kuasa mematuhi undang-undang antirasuah atau undang-undang di Malaysia yang serupa; dan
  - Jika Pelanggan mengetahui sebarang pelanggaran peraturan yang samada telah berlaku atau mungkin berlaku, Pelanggan hendaklah memberikan makluman bertulis kepada KFH Malaysia; dan
  - Pelanggan akan memaklumkan kepada KFH Malaysia tentang sebarang ketidakpatuhan atau percubaan ketidakpatuhan terhadap undang-undang antirasuah oleh mana-mana kakitangan atau orang yang berkaitan dengan KFH Malaysia dengan melaporkan perkara tersebut melalui [whistleblow@kfh.com.my](mailto:whistleblow@kfh.com.my) di laman web KFH Malaysia

## BAHAGIAN B

### KFH AKAUN SIMPANAN ASAS-i / AKAUN SIMPANAN-i

*Akaun-akaun simpanan kami dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.*

#### 1. Kontrak Qardh

- 1.1. Akaun Simpanan Asas-i / Akaun Simpanan-i (“Akaun”) akan beroperasi berdasarkan kontrak Qardh berlandaskan Syariah, di mana wang yang dideposit bagi pembukaan Akaun dan apa jua jumlah wang yang seterusnya didepositkan ke dalam Akaun akan tertakluk kepada kontrak Qardh.
- 1.2. KFH Malaysia akan membayar kesemua jumlah atau apa jua bahagian yang wujud dalam Akaun Pelanggan apabila diminta.
- 1.3. Bagi tujuan Akaun ini, rujukan kepada “Qardh” bermaksud kontrak Qardh (pinjaman tanpa faedah) berlandaskan Islam di antara Pelanggan sebagai pemiutang (Muqridh) dan KFH Malaysia sebagai penghutang (Muqtaridh), di mana deposit Pelanggan di dalam Akaun Semasa Asas-i / Akaun Semasa-i dikira sebagai pinjaman tanpa faedah Pelanggan kepada KFH Malaysia dengan syarat ianya masih kekal di dalam Akaun.

#### 2. Operasi KFH Akaun Simpanan Asas-i / Akaun Simpanan-i

- 2.1. Akaun Simpanan Asas-i / Akaun Simpanan-i merupakan akaun tanpa buku akaun simpanan. Penyata Akaun akan disediakan kepada Pelanggan setiap bulan atau pada bila-bila masa dan dengan apa-apa kaedah sekalipun yang ditentukan oleh KFH Malaysia. Penyata kecil melalui ATM akan dikeluarkan mengikut permintaan Pelanggan.
- 2.2. Berkenaan wang yang tidak dituntut, jika baki Akaun pada bila-bila masa adalah kurang daripada RM10.00, KFH Malaysia berhak tetapi tidak diwajibkan untuk menamatkan Akaun kontrak berlandaskan Syariah ini dan menutup Akaun ini. Pelanggan memberi kuasa untuk membuat bayaran kepada sebarang baki sebagai caj perkhidmatan bagi penutupan Akaun. Jika baki Akaun melebihi RM10.00, Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia pembayaran RM10.00 sebagai caj perkhidmatan bagi penutupan Akaun dan baki yang tinggal akan dihantar kepada wang yang tidak dituntut seperti pada Akta Wang Tidak Dituntut, 1965.

#### 3. Deposit, Pengeluaran dan Penutupan KFH Akaun Simpanan Asas-i / Akaun Simpanan-i

- 3.1. Jumlah minima yang boleh didepositkan bagi membuka:
  - a. Akaun Simpanan Asas-i adalah RM20.00 atau nilai sepeertinya yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
  - b. Akaun Simpanan-i adalah untuk jumlah yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- 3.2. Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk mengumpul dan menerima mana-mana cek atau kiriman wang berbayar kepada Pelanggan untuk dikreditkan Akaunnya.
- 3.3. KFH Malaysia berhak untuk mendebit Akaun dengan nilai cek yang telah dibeli / diberi diskaun sebelum ini untuk atau dikreditkan kepada Pelanggan jika cek-cek tersebut tidak laku.
- 3.4. Borang pengeluaran perlu ditandatangani Pelanggan apabila membuat pengeluaran. Pelanggan tidak boleh mengeluarkan wang jika nilainya kurang daripada RM20.00 kecuali jika Akaun itu ingin ditutup. Setiap pengeluaran akan dianggap sebagai bayaran balik



Qardh.

- 3.5. KFH Malaysia mempunyai hak untuk membayar Pelanggan sebarang jumlah yang dikeluarkan oleh mana-mana satu atau kombinasi daripada (a) bayaran tunai, (b) arahan cek / bayaran perbankan yang dikeluarkan kepada Pelanggan, dan / atau (c) bentuk - bentuk lain kiriman wang.
- 3.6. Apabila Pelanggan mengeluarkan keseluruhan baki dalam Akaunnya, tindakan itu dianggap sebagai bayaran balik ke atas Qardh dan Akaun tersebut ditutup secara automatik.
- 3.7. Penyata Akaun Pelanggan akan disediakan pada setiap bulan atau pada bila-bila masa dengan apa-apa kaedah sekalipun yang ditentukan oleh KFH Malaysia. Penyata kecil juga boleh didapati melalui ATM Bank di atas permintaan. Pelanggan dinasihatkan untuk meneliti setiap urusan yang tertera pada penyata dan melaporkan kepada KFH Malaysia, mana-mana kesilapan yang dijumpai di dalamnya.
- 3.8. Jika dalam masa empat belas (14) hari setelah Pelanggan menerima penyata tersebut tidak menyangkal sebarang urusan yang tertera di dalamnya, ianya dianggap bahawa Pelanggan telah menerima urusan-urusan itu sehingga ke tarikh akhir di dalam penyata sebagai benar.

## BAHAGIAN C

### KFH AKAUN SEMASA ASAS-i / AKAUN SEMASA-i

*Akaun-akaun semasa kami dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.*

#### 1. Kontrak Qardh

- 1.1. Akaun Semasa Asas-i / Akaun Semasa-i (“Akaun”) akan beroperasi berdasarkan kontrak Qardh berlandaskan Syariah, di mana wang yang dideposit bagi pembukaan Akaun dan apa jua jumlah wang yang seterusnya didepositkan ke dalam Akaun akan tertakluk kepada kontrak Qardh.
- 1.2. KFH Malaysia akan membayar kesemua jumlah atau apa jua bahagian yang wujud dalam Akaun Pelanggan apabila diminta.
- 1.3. Bagi tujuan Akaun ini, rujukan kepada “Qardh” bermaksud kontrak Qardh (pinjaman tanpa faedah) berlandaskan Islam di antara Pelanggan sebagai pemiutang (Muqridh) dan KFH Malaysia sebagai penghutang (Muqtaridh), di mana deposit Pelanggan di dalam Akaun Semasa Asas-i / Akaun Semasa-i dikira sebagai pinjaman tanpa faedah Pelanggan kepada KFH Malaysia dengan syarat ianya masih kekal di dalam Akaun.

#### 2. Pengendalian KFH Akaun Semasa Asas-i / Akaun Semasa-i

- 2.1. Akaun ini bertindak sebagai akaun panggilan, di mana nilai wang yang dideposit serta sebarang jumlah wang yang kemudiannya dideposit ke dalam Akaun tidak akan tertakluk kepada sebarang risiko pelaburan ataupun terdedah kepada keuntungan mahupun kerugian kepada Pelanggan. Kesemua deposit akan dipegang oleh KFH Malaysia dan mempunyai kuasa untuk menggunakan dana-dana itu seperti yang dirasakan bersesuaian serta boleh dicampurkan bersama sekumpulan dana-dana umum KFH Malaysia tertakluk kepada deposit sentiasa dapat dibayar apabila diminta oleh Pelanggan dengan cara pengeluaran daripada Akaun.
- 2.2. Permohonan untuk buku-buku cek perlu dibuat melalui borang-borang yang disediakan oleh KFH Malaysia atau melalui apa jua cara yang ditetapkan KFH Malaysia. Cek-cek tidak semestinya dikeluarkan daripada KFH Malaysia kecuali yang disediakan oleh KFH Malaysia dengan nombor Akaun tersebut tertera padanya. Pelanggan yang berhasrat untuk mengeluarkan wang tunai boleh melakukannya dengan kebenaran KFH Malaysia sebelum itu dan menggunakan cek-cek yang ditentukan.
- 2.3. Pelanggan sepatutnya berhati-hati ketika menulis sekeping cek supaya tidak timbul pemalsuan. KFH Malaysia berhak untuk menolak dan memulangkan cek-cek yang mempunyai tandatangan yang berbeza daripada tandatangan Pelanggan berdasarkan contoh yang diberikan kepada KFH Malaysia. Tiada sebarang pindaan boleh dilakukan ke atas cek. KFH Malaysia mempunyai hak untuk menolak dan memulangkan cek-cek yang pada pendapat KFH Malaysia mengandungi pindaan dalam apa jua cara (walaupun ditandatangani semula oleh Pelanggan / penyuruh bayar atau sebaliknya).
- 2.4. Pelanggan bertanggungjawab untuk menyimpan buku-buku cek di bawah pengawasan rapi pada setiap masa. Pelanggan haruslah memberitahu KFH Malaysia serta-merta jika buku cek atau helaian cek hilang, dicuri atau musnah. KFH Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kerugian yang berlaku terhadap Pelanggan jika melalui kecuaiian atau kesilapan beliau menyebabkan seseorang yang tidak sah mendapatkan buku cek atau helaian cek itu dan secara pemalsuan menerima bayaran bagi jumlah yang dimiliki Pelanggan.
- 2.5. KFH Malaysia mengeluarkan buku cek pada permintaan Pelanggan dan dalam keadaan Akaun bersama oleh kesemua Pelanggan akaun bersama setelah melaksanakan surat tanggung rugi serta membayar caj perkhidmatan. Setelah pengeluaran buku cek baru, buku yang asal menjadi tidak sah dan jika dijumpai atau diterima kembali perlu memulangkannya segera

kepada KFH Malaysia.

- 2.6. Berkenaan wang yang tidak dituntut, jika baki Akaun pada bila-bila masa adalah kurang daripada RM10.00, KFH Malaysia berhak tetapi tidak diwajibkan untuk menamatkan Akaun kontrak berlandaskan Syariah ini dan menutup Akaun ini. Pelanggan memberi kuasa untuk membuat bayaran kepada sebarang baki sebagai caj perkhidmatan bagi penutupan Akaun. Jika baki Akaun melebihi RM10.00, Pelanggan memberi kuasa kepada KFH Malaysia pembayaran RM10.00 sebagai caj perkhidmatan bagi penutupan Akaun dan baki yang tinggal akan dihantar kepada wang yang tidak dituntut seperti pada Akta Wang Tidak Dituntut, 1965.

### 3. Deposit, Pengeluaran dan Penutupan KFH Akaun Semasa Asas-i / Akaun Semasa-i

3.1. Jumlah minima yang boleh dideposit bagi pembukaan:

- a. Akaun Semasa Asas-i perlu berjumlah sekurang-kurangnya RM500.00 atau jumlah sepertinya yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- b. Akaun Semasa-i adalah untuk jumlah yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.

3.2. Setiap deposit yang dikreditkan ke dalam Akaun akan dianggap sebagai Qardh yang berbeza.

3.3. Setiap pengeluaran yang didebitkan daripada Akaun akan dianggap sebagai pembayaran semula kepada jumlah yang sama bagi jumlah hutang Qardh.

3.4. Pelanggan seharusnya menggunakan borang-borang yang disediakan oleh KFH Malaysia apabila mendeposit cek dan wang. Pelanggan berkewajipan untuk memastikan ketepatan butiran yang dilengkapkan pada borang-borang yang disediakan dan memastikan perkara yang sama mendapatkan pengesahan daripada mesin juruwang atau seorang pegawai KFH Malaysia sebelum meninggalkan kawasan KFH Malaysia. Borang-borang tersebut yang dilampir bersama cek atau wang tunai adalah sah hanya sebagai pengesahan penerimaan jika borang tersebut mempunyai perakuan tersebut. Kegagalan mendapatkannya akan melepaskan KFH Malaysia daripada sebarang tanggungjawab.

3.5. Cek-cek luar dan kiriman pos / wang boleh diterima tetapi penerimaannya tidak akan dikreditkan sehingga bayaran telah diterima oleh KFH Malaysia dan tertakluk kepada caj-caj sedemikian seperti yang akan dikenakan KFH Malaysia dari semasa ke semasa.

3.6. Cek-cek tempatan akan dikreditkan kepada Akaun Pelanggan apabila bayaran diterima masuk, kecuali jika terdapat peraturan khusus ianya tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil kutipan diterima oleh KFH Malaysia.

3.7. Cek-cek dan instrumen-instrumen kewangan lain yang dibayar kepada Akaun dan tidak akan dipulangkan secara tangan atau melalui pos atau cara-cara lain sepertinya yang ditentukan oleh KFH Malaysia di mana kos serta risikonya akan ditanggung oleh Pelanggan.

3.8. Pelanggan tidak akan meletakkan tanggung rugi kepada KFH Malaysia di atas mana-mana kerugian yang mungkin berlaku kepada KFH Malaysia sebagai bank pemungut akibat daripadanya menjamin mana-mana pengesahan pelepasan sebarang cek, bil, nota, draf, waran dividen atau lain-lain instrumen yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh KFH Malaysia dianggap dikeluarkan terhadap permintaan Pelanggan pada setiap masa.

3.9. Apabila KFH Malaysia menerima atau mendapat liabiliti bagi atau pada permintaan Pelanggan, sebarang dana-dana atau sekuriti dan lain-lain kepunyaan bernilai yang dimiliki

Pelanggan yang didepositkan bersama KFH Malaysia akan secara automatiknya menjadi sekuriti kepada KFH Malaysia dan KFH Malaysia mempunyai hak untuk memegang dana-dana tersebut atau sebahagian daripadanya dan tetap menolak cek-cek Pelanggan yang tidak dihormati sehingga liabiliti tersebut diselesaikan.

- 3.10. Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat, Pelanggan dan KFH Malaysia bersetuju bahawa tiada kemudahan overdraf disediakan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan. Pelanggan sepatutnya memastikan baki mencukupi di dalam Akaunnya sebelum mengeluarkan cek.
- 3.11. Penyata Akaun Pelanggan akan disediakan setiap bulan dengan apa-apa kaedah sekalipun kepada Pelanggan. Pelanggan disarankan untuk menyemak kesemua urusan yang tertera di dalam penyata tersebut dan melaporkan segera kepada KFH Malaysia, jika terdapat sebarang kesilapan di dalamnya.
- 3.12. Jika dalam masa empat belas (14) hari setelah Pelanggan menerima penyata tersebut tidak menyangkal sebarang urusan yang tertera di dalamnya, ianya dianggap bahawa Pelanggan telah menerima urusan-urusan itu sehingga ke tarikh akhir di dalam penyata sebagai benar.
- 3.13. Jika berkaitan, caj-caj perkhidmatan kepada Akaun akan dikira selaras dengan polisi dalaman KFH Malaysia.
- 3.14. Ketika penutupan Akaun, kesemua buku-buku cek dan helaian-helaian cek yang tidak digunakan akan menjadi hakmilik KFH Malaysia, dan Pelanggan harus memulangkannya kepada KFH Malaysia.
- 3.15. Apabila penutupan Akaun, kontrak Qardh akan dianggap tamat.

**BAHAGIAN D**  
**KFH AKAUN SEMASA MATA WANG ASING-i**

*Akaun-akaun mata wang asing kami dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.*

**1. Kontrak Qardh**

- 1.1. KFH Akaun Semasa Mata Wang Asing-i (“Akaun”) beroperasi mengikut kontrak Qardh berlandaskan Syariah, di mana wang yang didepositkan bagi pembukaan Akaun dan apa jua jumlah wang yang seterusnya didepositkan ke dalam Akaun akan tertakluk kepada kontrak Qardh.
- 1.2. KFH Malaysia akan membayar kesemua jumlah atau apa jua bahagian yang terhutang di dalam Akaun Pelanggan apabila diminta oleh Pelanggan.
- 1.3. Bagi tujuan Akaun ini, rujukan kepada “Qardh” bermaksud kontrak Qardh (pinjaman tanpa faedah) yang berlandaskan Syariah di antara Pelanggan sebagai pemiutang (Muqridh) dan KFH Malaysia sebagai penghutang (Muqtaridh), di mana deposit Pelanggan di dalam Akaun Semasa Mata Wang Asing-i dikira sebagai pinjaman tanpa faedah Pelanggan kepada KFH Malaysia selagi ianya berada di dalam Akaun.

**2. Deposit, Pengeluaran dan Penutupan KFH Akaun Semasa Mata Wang Asing-i**

- 2.1. Jumlah minimum yang boleh didepositkan bagi pembukaan Akaun adalah seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- 2.2. Setiap deposit yang dikreditkan ke dalam Akaun akan dianggap sebagai Qardh yang berasingan.
- 2.3. Setiap pengeluaran yang didebitkan daripada Akaun akan dianggap sebagai pembayaran bersamaan dengan baki Qardh dalam setiap arahan yang diberikan.
- 2.4. Pelanggan perlu menggunakan borang-borang yang disediakan oleh KFH Malaysia apabila mendeposit cek dan wang. Pelanggan wajib untuk memastikan ketepatan butiran yang dilengkapkan dalam borang-borang yang disediakan dan memastikan perkara yang sama mendapatkan pengesahan dari mesin juruwang atau pegawai KFH Malaysia sebelum meninggalkan premis KFH Malaysia. Borang-borang tersebut yang dilampir bersama cek atau wang tunai hanya sah sebagai pengesahan penerimaan jika borang tersebut mempunyai perakuan tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan melepaskan KFH Malaysia daripada semua liabiliti.
- 2.5. Tiada buku cek akan dikeluarkan untuk Akaun tersebut tetapi Nota Pembayaran akan dikeluarkan kepada pendeposit.
- 2.6. Nota Pembayaran tersebut adalah untuk pendeposit memberi arahan kepada pihak KFH Malaysia untuk membuat bayaran.
- 2.7. Nota Pembayaran tersebut bukan sebuah cek dan bukan bertujuan untuk penjelasan pada Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK).
- 2.8. Sebarang penjelasan atau pembayaran bagi Nota Pembayaran hanya boleh dilakukan di mana-mana cawangan KFH Malaysia.
- 2.9. Semua pengeluaran harus dibuat melalui Nota Pembayaran atau arahan pengeluaran bertulis kepada pihak KFH Malaysia.

- 2.10. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pembukaan dan operasi untuk Akaun adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah Notis-notis Dasar Pertukaran Asing dan BNM.
- 2.11. Semua cek dan instrumen yang didepositkan hanya diterima untuk kutipan sahaja dan melalui permintaan khas bagi jumlah deposit melalui cek atau instrument lain tidak boleh ditarik balik sehingga dana diterima oleh KFH Malaysia.
- 2.12. Cek dan instrumen kewangan lain yang dibayar kepada akaun dan cek yang ditolak boleh dipulangkan semula secara serahan tangan, pos atau dengan cara yang lain yang ditetapkan oleh pihak KFH Malaysia. Semua kos, perbelanjaan dan risiko adalah di bawah tanggungan Pelanggan sendiri.
- 2.13. Pelanggan akan melepaskan KFH Malaysia sebagai bank pemungut daripada apa-apa kerugian yang mungkin berlaku akibat daripada KFH Malaysia menjamin mana-mana pengesahan pelepasan sebarang cek, bil, nota, draf, waran dividen atau lain-lain instrumen yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh KFH Malaysia dianggap dikeluarkan terhadap permintaan Pelanggan pada setiap masa.
- 2.14. Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat, Pelanggan dan KFH Malaysia bersetuju bahawa pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, Akaun tidak boleh di dalam keadaan overdraf. Oleh itu, pelanggan perlu memastikan baki mencukupi di dalam Akaunnya sebelum mengeluarkan Nota Pembayaran. Jika Akaun mempunyai baki yang tidak mencukupi untuk membuat pembayaran bagi mana-mana Nota Pembayaran yang dikeluarkan, KFH Malaysia berhak untuk menolak Nota Pembayaran Pelanggan.
- 2.15. Penyata kepada Akaun Pelanggan akan disediakan setiap bulan dengan apa-apa kaedah sekalipun kepada Pelanggan. Pelanggan disarankan untuk menyemak kesemua urusan yang tertera di dalam penyata tersebut dan melaporkan segera kepada KFH Malaysia, jika terdapat sebarang kesilapan di dalamnya.
- 2.16. Jika dalam masa empat belas (14) hari setelah Pelanggan menerima penyata tersebut tidak menyangkal sebarang urusan yang tertera di dalamnya, ianya dianggap bahawa Pelanggan telah menerima urusan-urusan itu sehingga ke tarikh akhir di dalam penyata sebagai benar.
- 2.17. Jika berkaitan, caj-caj perkhidmatan kepada Akaun akan dikira selaras dengan polisi dalaman KFH Malaysia.
- 2.18. Ketika penutupan Akaun, kesemua Nota Pembayaran yang tidak digunakan adalah menjadi hakmilik KFH Malaysia, dan Pelanggan harus memulangkannya kepada KFH Malaysia.
- 2.19. Apabila penutupan Akaun, kontrak Qardh adalah dianggap tamat.
- 2.20. KFH Malaysia mempunyai hak untuk menetapkan had tertentu / dalaman ke atas Akaun Pelanggan yang mungkin lebih rendah daripada had yang dibenarkan seperti yang tertakluk pada Notis-notis Dasar Pertukaran Asing di bawah seksyen 225 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Ini juga digunakan untuk akaun dimana tiada had ditetapkan.
- 2.21. KFH Malaysia berhak untuk mengenakan caj untuk mana-mana perkhidmatan yang disediakan pada kadar yang ditetapkan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa atau, tanpa sebarang pemberitahuan, pada kadar yang berpatutan. Semua caj perbankan yang sudah sampai tempoh pembayaran akan didebitkan ke dalam Akaun.
- 2.22. Operasi Akaun adalah tertakluk kepada peraturan yang ditadbirkan oleh pelbagai mata wang asing seperti yang digunakan oleh BNM dari semasa ke semasa.